

Warga USIM jangan terlibat

Oleh RAIS YEOP JOHARI
rais.johari@kosmo.com.my

NILAI - "Pelajar dan kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dilarang terlibat dalam kempen untuk mana-mana calon pada pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh, bermula Sabtu ini."

Demikian ingatan Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Abdul Shukor Husin kepada pelajar dan kakitangan universiti itu berhubung pilihan raya kecil kawasan 'panas'

itu pada 26 Ogos ini.

Katanya, satu kumpulan pemantau akan diwujudkan oleh universiti tersebut bagi memastikan tiada 'keluarga USIM' terlibat dalam pilihan raya berkenaan yang dijangka menarik perhatian ramai termasuk golongan pelajar.

"Buat masa ini, kita tidak mempunyai rekod kakitangan mahupun pelajar terbabit dalam sebarang kempen politik sebelum ini.

"Bagi memastikan rekod itu bersih, USIM akan terus memantau apa juga

aktiviti seumpama itu," kata beliau kepada pemberita selepas majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2007 USIM yang disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor di Dewan Kuliah Pusat 3, di sini semalam.

Kata Abdul Shukor, tindakan tegas termasuk dibuang universiti akan dikenakan mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 sekiranya terbukti ada pelajar terlibat dalam aktiviti politik.

"Tindakan AUKU bukan saja

pada kempen pilihan raya kecil itu tetapi mana-mana kempen politik.

"Tetapi jika didapati mereka (pelajar) layak mengundi, kita tidak mempunyai masalah membenarkan mereka tetapi mereka tidak boleh terbabit secara langsung dalam politik," ujarnya

Jelasnya, pelajar kena akur dengan peraturan yang ditetapkan dan menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pelajar dengan menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajian demi masa depan.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), 6 Ogos lalu mengumumkan penamaan calon pilihan raya kecil kerusi Parlimen Permatang Pauh ditetapkan Sabtu ini manakala pengundian Selasa, 26 Ogos.

Pilihan raya kecil itu diadakan selepas peletakan jawatan Ahli Parlimennya, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pada 31 Julai lalu, bagi memberi laluan kepada suaminya yang juga Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim.